

# UPMKB anjur Kursus Pengurusan Pastura dan Pembuatan Silaj Makanan Ternakan Ruminan

**BINTULU:** Pusat Pertanian Putra (PPP) Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) Sarawak akan menganjurkan Kursus Pengurusan Pastura dan Pembuatan Silaj Makanan Ternakan Ruminan pada 21 Oktober depan.

Kursus tersebut akan berlangsung dari jam 8 pagi hingga 5 petang di PPP UPMKB untuk teori, manakala sesi praktikal di Unit Pastura universiti terbabit.

Penceramahnya ialah Pegawai Pertanian Kanan PPP Dr Zaidi Suif manakala fasilitatornya ialah Penolong Pegawai Pertanian PPP Josephin Jawai Makos.

Yuran penyertaan ditetapkan RM150 untuk peserta luar dan RM100 untuk kakitangan dan pelajar UP-

MKB dengan yuran meliputi kos makanan, minuman, sijil penyertaan serta nota kursus.

Tarikh turut penyertaan ialah 30 September 2023 dan untuk pendaftaran boleh tekan pautan di <https://forms.gle/i2RT4fzn-tYFcchck6>.

Pertanyaan lanjut hubungi Urus setianya Nurliyana Mahdar menerusi talian 011-25634022 atau talian pejabat (086-855667) ataupun hubungi pegawai serantanya

Dr Carlina Freddie Simol@Rachellynna (019-8340886), Dr Zaidi (013-8400851) dan Josephine (013-7073252).

Jurucakap penganjur berkata, kursus itu bertujuan membantu peserta, penter-

nak serta bakal pengusaha makanan ruminan dengan memdedahkan kaedah penanaman pastura, cara pembajaan disyorkan dan kaedah pemotongan pastura yang betul.

“Kaedah penuaian dan pembuatan silaj juga diperincikan,” katanya di sini, semalam.

Dengan pengetahuan itu, diharap peserta, bakal pengusaha makanan ternakan dan penternak sedikit sebanyak dapat menjana hasil pastura berterusan bagi kegunaan ternakan sendiri.

Katanya, ia bagi mengurangkan kos pembelian makanan ternakan di samping rumput pastura berkualiti boleh dijual kepada penternak yang memerlukan rumput segar.